

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

PULAU PINANG.

ADAT MELENGGANG PERUT YANG SEMAKIN LUPUT  
DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU MELAKA KINI.

OLEH:-

AZIZAH ABU CHIK.

SUATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN  
SEJARAH (HSM 412 : DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH  
MALAYSIA) BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

SIDANG 1988/1989.

MEMORANDUM

Di sini saya ingin mengucapkan terimakasih kepada orang-orang yang telah membantu saya dalam perjalanan ini. Saya sangat berterima kasih kepada Bapak dan Ibu yang telah memberi banyak bantuan, tenaga, dan waktu kepada saya untuk tujuan kali ini. Saya juga ingin mengucapkan terimakasih kepada Bapak dan Ibu yang telah membantu saya dalam perjalanan ini.

Buat,

Emak dan ayah tersayang yang telah banyak memberi dorongan. Semoga Allah memanjangkan usia kalian berdua.

Yours,

MEMORANDUM

Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada  
ibu yang telah melahirkan saya kepada dunia dan juga kepada  
ayah yang telah memelihara saya ini hingga, ini, dan ini yang telah  
memberi banyak perhatian, kasih dan cinta kepada saya untuk  
selama ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih  
kepada Ibu dan Bapak, Bapak dan Ibu yang telah memberi perhatian  
kepada saya ini. Dan yang telah memberi perhatian kepada saya  
untuk ini.

Buat,

Emak dan ayah tersayang yang telah banyak  
memberi dorongan. Semoga Allah memanjangkan  
usia kalian berdua.

5000

Setiap manusia ada takdirnya, begitu juga saya  
ini. Dan yang ada yang takdirnya adalah di dunia.  
Allah via dunia.

## PE'NHARGAAN.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan setinggi penghargaan saya kepada pensyarah dan juga selaku penyelia di dalam kajian saya ini iaitu, Dr.Cheah Boon Kheng yang telah memberi banyak panduan, tunjuk ajar serta galakkan kepada saya untuk tujuan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Dr.Wazir Jahan Karim, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM yang telah sudi meluangkan masanya untuk memberikan kerjasama serta pandangannya mengenai amalan melenggang perut ini. Juga ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada bidan-bidan kampung, bidan kerajaan serta orang perseorangan yang sempat saya temui di dalam usaha mendapatkan maklumat berhubung dengan bidang ini. Terimakasih yang tidak terhingga juga kepada pihak Arkib Negara kerana membenarkan saya membuat rujukan di sana. Begitu juga kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang mana banyak maklumat dan sumber-sumber berhubung dengan kajian ini diperolehi. Tidak ketinggalan juga ucapan terimakasih buat rakan-rakan saya yang banyak memberi dorongan dan perangsang kepada saya hingga akhirnya kajian ini dapat disempurnakan.

Setiap manusia ada kelemahannya, begitu jugalah bagi diri ini. Ilmu yang ada pada saya ibarat setitik air di lautan.

Azizah bte Abu Chik.

Pusat Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang.  
1988.

## ISI KANDUNGAN

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
TUJUAN / SKOP KAJIAN	1 - 3
PENDAHULUAN	4 - 6
LATARBELAKANG ADAT MELENGGANG PERUT	7 - 15
TUJUAN ADAT MELENGGANG PERUT	16 - 19
PERALATAN MELENGGANG PERUT	20 - 21
UPACARA MELENGGANG PERUT DIJALANKAN	22 - 29
PENILAIAN ADAT MELENGGANG PERUT	30 - 35
KESIMPULAN	36 - 38
LAMPIRAN GAMBARAJAH DAN TEMURAMAH	
BIBLIOGRAFI	

TUJUAN / SKOP KAJIAN.

Saya ingin menegaskan bahawa ini bukanlah kajian yang pertama tentang adat melenggang perut. Sebenarnya banyak para pengkaji Eropah seperti Winstedt, Wilkinson, Djamour dan lain lain yang ada menulis mengenai dengan kelahiran anak. Begitu juga penulis-penulis tempatan seperti H.M.Sidin, Syed Alwi, Nik Safiah Abdul Karim yang mana ada menulis mengenai tajuk melenggang perut ini tetapi kesemua penulis tersebut mahupun penulis barat dan tempatan tidak menyentuh topik yang berkenaan secara terperinci malah hanya diselitkan di dalam upacara-upacara yang berhubung dengan kelahiran anak.

Kebanyakan penulis tersebut menceritakan perkara tersebut sambil menceritakan aspek-aspek lain kebudayaan Melayu umpamanya kepercayaan agama dan adat istiadat yang sering diamalkan oleh orang Melayu. Kebanyakan mereka tidak bermaksud hendak mendalami tajuk tersebut. Buktinya ternyata di dalam penulisan mereka yang mana kebanyakannya tidaklah mendalami adat mengenai melenggang perut ini malah hanya memaparkan secara ringkas sahaja. Kadangkala hanya mendapat ruang yang kecil sahaja di dalam karya mereka. Penulis banyak menumpukan kajian terhadap negeri Perak, Selangor, Johor dan juga kawasan Pantai Timur.

Begitu juga dari segi asal usul adat ini diamalkan, kebanyakan penulis tersebut tidak menyusurgalurkan sejarah awalnya. Walaupun terdapat setengah-setengah penulis yang mengakui tentang pengaruh Hindu yang telah banyak meresap ke dalam upacara ini tetapi mereka tidak mengkaji mengenai adat raja-raja Melayu khususnya di Melaka pada zaman dahulu yang telah pun mengamalkan upacara ini, sehingga membawa kepada keseluruhan masyarakat Melaka mengamalkan upacara ini sempena menyambut kelahiran anak yang pertama atau anggota keluarga baru ke dalam hidup mereka.

BATASAN.

Sungguhpun kajian saya ini hanya menyentuh mengenai satu aspek kebudayaan Melayu sahaja, namun begitu saya tidak dapat mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam dan teliti daripada apa yang saya paparkan kerana sepertimana yang dimaklumkan bahawa dalam satu aspek kebudayaan Melayu itu terdapat serba sedikit, perbezaan tentang kepercayaan dan pengertian tiap-tiap istiadat dalam masyarakat Melayu antara satu tempat dengan tempat yang lain. Menurut beliau:-

" To write on Malay customs and traditions is by no means an easy task. Although the aims of similar traditions are generally the same in every Malay region, there are, in actual practice, some differences in usage and procedure. These differences must be taken into account, and it would be misleading to say that one practice is wrong and another is right, for as a Malay proverb says: 'Lain lubuk lain ikannya' or 'Lain padang lain belalang', which means that each region has its own distinctive customs and traditions ".<sup>1.</sup>

Kita juga berharap semoga kebudayaan Melayu kita ini tidak terabai begitu sahaja lebih-lebih lagi dengan adanya pengaruh pengaruh moden yang meresapi ke dalam budaya kita. Mengikut Winstedt:-

" Every race has its lumber-room of magical beliefs and practices and many such survivals are gracious and beautiful and maintain the continuity of a civilization. It is to be hoped that modern materialist ideas will not obliterate them entirely and leave Malay Culture jejune .<sup>2.</sup>

Masa yang singkat dan ruang yang terhad dan terbatas ini juga tidak mengizinkan saya meluaskan dan mendalami kajian dengan erti kata yang sebenarnya. Namun begitu saya berharap dengan adanya kajian saya yang bukanlah boleh dibanggakan ini akan memberikan sedikit pendedahan mengenai dengan upacara melenggang perut ini khususnya yang diamalkan di Melaka.

Bumi mana yang tidak ditimpa hujan, manusia mana yang

- 
1. Ismail Abu Bakar, Foreword, Malay Customs and Traditions, by Syed Alwi Sheikh AlHady, Donald Moore Press Ltd, Singapore, 1962. hlm iii.
  2. Richard Winstedt, Preface, The Malay Magician being Shaman, Saiva and Sufi, London, Routledge and Kegan Paul 1961. hlm vii.

tidak pernah membuat kesilapan. Begitu jugalah bagi diri saya yang mana mungkin di dalam menghasilkan kajian ini banyak kelemahan-kelemahan yang tidak dapat saya atasi dan setiap manusia lari daripada melakukannya.

CARA PENGKAJIAN.

Pengkajian ini berdasarkan bahan-bahan yang dikutip iaitu hasil beberapa temuramah dengan bidan, orang-orang tua yang banyak pengalaman serta orang perseorangan yang terlibat secara khusus mengenai amalan melenggang perut ini. Bahan-bahan bacaan daripada buku-buku, majalah, suratkhobar serta latihan ilmiah yang pernah dihasilkan oleh mereka berhubung dengan upacara kelahiran bayi juga dijadikan sebagai rujukan utama untuk memperkukuhkan lagi serta menyokong kajian ini.



## PENDAHULUAN

Dalam masyarakat tradisi Alam Melayu, konsep adat memancarkan hubungan mendalam lagi bermakna antara sesama manusia dan dengan alam sekitarnya, termasuk alam tabii, alam sosial dan alam ghaib. Setiap perhubungan ini diucapkan sebagai adat, diberi bentuk tegas dan khusus melalui sikap, perbuatan dan acara.

Adat memberi takrif kepada seluruh kompleks hubungan itu sama ada dalam erti intisari kewujudan sesuatu asas ukuran buruk baik, peraturan hidup seluruh masyarakat mahupun tatacara perbuatan individu dan penubuhan serta perjalanan satu-satu kelompok institusi. Dari segi etimologi, 'adat' berasal dari bahasa Arab yang bererti kebiasaan.<sup>3</sup> Dalam erti kata lain, adat bolehlah diertikan sebagai peraturan hidup masyarakat yang tidak kurang penting dan diberikan perhatian juga.

Adat adalah merupakan pencerminan daripada keperibadian sesuatu bangsa, merupakan salah satu penjelmaan daripada jiwa yang bersangkutan dari abad ke abad. Oleh kerana itu maka tiap bangsa di dunia ini memiliki adat kebiasaan sendiri-sendiri yang satu dengan yang lainnya tidak sama. Justeru oleh kerana ketidak-samaan inilah kita dapat mengatakan bahawa adat itu merupakan unsur yang terpenting yang memberikan identiti kepada bangsa yang bersangkutan. Tingkatan, peradaban mahupun cara penghidupan yang moden ternyata tidak mampu menghilangkan adat kebiasaan yang hidup dalam masyarakat, paling-paling yang terlibat dalam proses kemajuan zaman itu adalah bahawa adat tersebut menyesuaikan diri dengan keadaan dan kehendak zaman, sehingga adat itu menjadi kekal serta tetap segar.<sup>4</sup>

Adat juga merupakan peraturan hasil ciptaan masyarakat

3. Dr Zainal Kling, "Penyesuaian Adat dengan Alam Sekitarnya", Dewan Budaya, Januari 1981. hlm 9.

4. Abdullah Sidik, Penghantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975. hlm 3.

atas dasar masyarakat dan ahli-ahlinya. Sekiranya sesuatu undang-undang atau upacara itu diamalkan oleh kumpulan masyarakat tersebut maka upacara yang diamalkan itu telah menjadi satu kelestiaan. Oleh itu aturan-aturan hidup itu sentiasa melandasi bertindak, perbuatan dan tingkah laku masyarakatnya dan seterusnya terhadap lingkungan masyarakat tersebut. Oleh kerana kuatnya pegangan adat pada masa dahulu, maka orang-orang tua kita memegang dan mempertahankan adat hingga dijadikan pepatah, " Biar mati anak jangan mati adat ". Justeru daripada itulah masyarakat tradisi akan mengenyahkan atau mengutuk ahli masyarakat mereka yang cuba untuk meninggalkan adat tersebut.

Data sosiologi menyatakan adat kebudayaan seseorang itu akan berubah dari semasa ke semasa. Ia bersifat dinamik. Ia akan terus berubah sejajar dengan perubahan pola masyarakat itu sendiri.<sup>5</sup> Apa yang kita dapati pada masyarakat Melayu pada hari ini ialah meninggalkan setengah-setengah adat yang dianggap remeh temeh dan menyusahkan mereka.

Kedudukan adat kita dewasa ini bagaikan sudah ketinggalan zaman akibat dilanda arus perubahan. Adat-adat yang sering diamalkan dalam masyarakat Melayu kini kian luput dari kehidupan kita kerana tiada kesungguhan dalam pengalamannya, tetapi adat masih boleh dikekalkan dan patut dikekalkan kerana adat itu adalah warisan sosial yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Kita tidak dapat lari dari adat kerana memang ada di antara adat kita yang masih dipegang kuat oleh sebahagian orang Melayu hari ini walaupun banyak daripada adat tersebut yang berlawanan dengan ajaran Islam dan norma-norma hidup manusia. Oleh kerana adat itu telah sebatikan dengan kehidupan

---

5. Nurhalim Ismail, " Dilema Adat di Kampung ", Berita Minggu, 29 Mei, 1983. hlm 8.

sehingga tidak dapat dipisah-pisahkan lagi maka dengan tidak disedari mereka terus mengamalkan adat-adat itu dengan menyangka konon bahawa adat itu tidak bertentangan dengan agama.

Ada juga yang berpendapat bahawa ada di antara adat-adat Melayu telah menghalang kemajuan mereka dan menyekat kebebasan manusia untuk mengikut arus kemajuan moden.

Adat-adat Melayu yang banyak diamalkan oleh masyarakat Melayu sebenarnya berasal daripada adat Hindu. Pendek kata orang Melayu telah mengambil apa sahaja kebudayaan Hindu itu untuk mengisi kekosongan di dalam peradaban hidup mereka. Meskipun sebahagian besar daripada pengaruh pengajaran agama Hindu telah ditinggalkan oleh orang Melayu, sesudah kedatangan agama Islam, kesan-kesannya masih tebal lagi melekat pada kebudayaan orang Melayu.

\* Alkitab pada pertengahan abad pertama masehi...  
Melayu yang pertamanya, raja yang besar-besari,  
tatkala telah beragama itu hasil. Dengan raja  
besar itu, maka dipanggilah bidan oleh berlainan,  
Maka diangkut raja para isteri berlainan itu. Maka di-  
ramailah oleh bidan, maka berlainan waktu, & berlainan  
waktu, tatkala, akan hal gembira, adigya ini telah  
berlainan oleh bidan itu hasil.

Apabila bidan itu pertamanya berlainan telah hasil maka  
dijemput oleh dan tatkala dengan orang itu-tak dapat hasil waktu.

\* Maka diangkut bidan itu berlainan waktu dengan bidan  
ramail itu, diangkutlah oleh bidan pertamanya berlainan  
itu, berlainan berlainan itu, berlainan berlainan, maka di-  
ramailah oleh bidan itu berlainan berlainan berlainan,  
maka diangkutlah oleh bidan itu berlainan berlainan,  
berlainan yang bidan, berlainan berlainan yang berlainan  
itu, maka berlainan itu berlainan berlainan berlainan berlainan  
itu, berlainan berlainan berlainan, maka berlainan berlainan  
oleh bidan itu berlainan.

...  
...  
...  
...  
...